# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Multi-Currency Trade Finance Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

**RHB BANK BERHAD**
**Registration No. 196501000373 (6171-M)**

**Multi-Currency Trade Finance (MCTF)**

Date: ____________________
[to be filled by Relationship Manager]

## 1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

Multi-Currency Trade Finance (MCTF) is a product developed under the supports of BNM and Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank) which promotes the concept of risk sharing between EXIM Bank as insurer and MCTF participating local commercial banks and SME Bank (MCTF banks). MCTF provides pre-shipment and post-shipment financing in Ringgit and foreign currencies to small and medium enterprise (SME) exporters under Letters of Credit (LC).

Collateral is not required for both pre and post-shipment financing. Non-payment risk is shared 75%:25% ratio between EXIM Bank and MCTF banks for Pre-shipment MCTF and 100% covered by EXIM Bank for Post-shipment MCTF via EXIM Bank's Multi Currency Trade Finance Policy (MCTFP) signed with all MCTF banks including RHB. This allows SME exporters access to working capital trade financing without providing collateral at a cost effective manner.

Pre-shipment MCTF is advanced against the LC favoring the direct exporter covering the financing of the production of eligible goods and/or the provision of services for export prior to shipment. It is to finance the purchase of domestic and foreign inputs from local / foreign suppliers and overhead expenses incurred in relation to the production of eligible goods, or the provision of services for export prior to shipment out of Malaysia.

Post-shipment MCTF is advanced against the LC favoring the direct exporter covering the financing of the export of eligible goods and/or services after shipment. It is to finance the export of eligible goods and services out of Malaysia on without recourse basis, upon the acceptance of the export documents by the LC issuing bank.

**BRIEF TERMS & CONDITIONS**

Eligible SME Exporters:

- Selling on LC.
- Selling / Exporting of Malaysian goods and rendering of services overseas.
- Requiring financing without providing collateral.

LC and amendment(s) must be:

- Advised by the Bank.
- Acceptable to the Bank.
- Lodged with the Bank.

Salient Feature of MCTF:

- Collateral: Collateral is not required except for Joint and Several Guarantee(s) and/or Corporate Guarantee(s), as the case maybe. However, insurance coverage from EXIM Bank is pre-requisite for MCTF.
- Credit Line: Required for Pre-shipment facility.
- Insurance: Insurance premium must be collected from the customer and paid to EXIM Bank.

Goods and Other LC Requirements:

- Goods listed under the First Schedule of the Custom Duties Order (list of goods of which is prohibited to be exported out of Malaysia) is not acceptable.
- Merchanting trade not allowed (third country goods).
- Letter of Credit must be issued by banks in countries covered by EXIM Bank or subject to EXIM Bank's approval.

Liquidation/ Payment at Maturity:

- All export proceeds (including Post-shipment MCTF financing proceeds) of the export LC must be channeled to the Bank to liquidate any outstanding amounts under Pre-shipment MCTF.
- The balance of proceeds if any will be returned to the direct exporter.
- The customer may liquidate utilizing their own funds prior to the loan becoming due subject to export documents channeled to the Bank for discounting.
- Pre-payment must be accompanied by a letter from the customer citing reasons for the pre-payment and providing evidence of funds received by the exporter or cancellation orders etc.

Period of Financing:

<u>Pre-Shipment</u>

- Up to expiry date of LC plus 10 banking days en-route period subject to maximum of 120 days.
- Financing shall be liquidated upon:
  - receipt of Post shipping financing proceeds / other export proceeds; or
  - receipt of payment for sight LC;
    from the issuing bank.
- Financing period exceeding 120 days requires specific approval from EXIM Bank and the Bank.

<u>Post Shipment</u>

- The period of financing for each LC discounted shall begin from the date of drawdown of the Post-shipment MCTF financing until the accepted maturity date from issuing Bank up to 180 days, including the en-route period of not exceeding 10 banking days.
- Financing period exceeding 180 days requires specific approval from EXIM Bank and the Bank

Borrowers must channel the export documents under the LC to the Bank.

## 2. WHAT DO I GET FROM THIS PRODUCT?

It enables Malaysian exporters to gain access to pre and post-shipment working capital trade financing from Banks without providing any collateral.

To support Malaysian exports by providing backward linkages financing facility to suppliers of goods and/or services.

## 3. WHAT ARE MY OBLIGATIONS?

Ensure sufficient funds in the account for the settlement of the matured Multi Currency Trade Finance (MCTF).

## 4. CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED

Processing MCTF– 2.00pm

Foreign currency payment processing is subject to the respective foreign currency cut-off processing time.

Processing / Payment via RENTAS – 12.00pm

Processing / Payment via IBG – 2.00pm

## 5. WHAT OTHER CHARGES DO I HAVE TO PAY?

| |
|---|
| **a) Stamp Duties** |
| As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989) |
| **b) Disbursement Fee** |
| Not Applicable |

RHB BANK BERHAD
Registration No. 196501000373 (6171-M)

**Multi-Currency Trade Finance (MCTF)**

Date: ____________________
[to be filled by Relationship Manager]

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Multi-Currency Trade Finance Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

| | |
|---|---|
| **c) Processing Fees** | |
| **Interest Rate** | Pre-shipment MCTF<br><br>Cost of Funds (COF) for MYR or Effective Cost of Funds (ECOF) for foreign currencies + Spread (Maximum 2% per annum).<br><br>The formula for calculating financing cost to debit the MCTF direct exporter customer is:<br><br>$\frac{L \times I \times T}{(365/360) \times 100}$<br>{follow the Bank's currency base days, for example USD is based on 360 days}<br>Pre-shipment MCTF<br><br>where,<br><br>FC = Financing cost payable (by the direct exporter)<br>L = Loan amount<br>I = Interest rate (COF or ECOF, plus spread)<br>T = Tenure (number of financing days)<br><br>For loan directly disbursed to the supplier, the financing cost and any other charges are still borne by the direct exporter.<br><br>Proceeds to the direct exporter will be disbursed net of the following:<br>• Discounted interest (financing cost)<br>• Premium<br>• Other relevant charges<br><br>Post-shipment MCTF<br><br>Effective Cost of Funds (ECOF) for foreign currencies + Spread (Maximum 2% per annum).<br><br>Financing Cost Calculation is as follows:<br><br>$FC = \frac{L \times I \times T}{(365/360) \times 100}$<br>(follow Bank's currency base days, for example USD is based on 360 days}<br><br>Where,<br><br>FC = Financing cost payable (by the direct exporter)<br>L = Loan amount<br>I = Interest/Discount rate (COF or ECOF, plus spread)<br>T = Tenure (number of financing days)<br><br>Proceeds to the direct exporter will be disbursed net of the following:<br><br>Discounted interest. (Financing cost calculation above).<br>Premium. (For Post-shipment MCTF financing without prior Pre-shipment MCTF financing).<br>• Other relevant charges.<br>• Liquidation of any Pre-shipment MCTF advance outstanding (if any). |

| | |
|---|---|
| **Pre-shipment MCTF Pre-shipment premium**<br><br>**Post-shipment MCTF Post-shipment MCTF premium** | 0.18% per month or part thereof.<br><br>Premium payable is based on EXIM Bank's premium rates. Post-shipment premium depends on the issuing bank Country Schedule Group provided by EXIM Bank. |
| **Handling (Service) Fee** | Payment – RM5.00<br><br>Stamping – RM5.00 |
| **Cost of Swift** | (see table below) |
| **Cost of RENTAS** | RM3.00 |
| **Cost of Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |
| **Postage/ Delivery Charges** | |
| **<u>Local Party</u>** | |
| **Normal mail** | RM2.00 |
| **Registered mail** | RM3.00 |
| **Courier / hand delivery** | Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |
| **<u>Foreign Party</u>** | |
| **Normal mail** | RM3.00 |
| **Registered mail** | RM5.00 |
| **Courier / hand delivery** | Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |
| **Services Tax (ST)** | If any service made under this MCTF is a taxable service to which the ST would apply, then the Bank reserves the right to levy ST at the prescribe rate and the recipient of the service agrees to pay the amount of ST<br><br>You shall bear all professional fees, taxes (including service tax or sales tax and/or applicable taxes that maybe imposed by the relevant authorities at any time and from time to time throughout the subsistence of the MCTF facility(ies) / service(s), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of the MCTF facility(ies) / service(s). |

Cost of Swift:

| | Payment /Short (RM) | Long (RM) |
|---|---|---|
| **Local** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapore** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Others** | 30.00 | 80.00 |

**6. WHAT IF I FAIL TO FULFIL MY OBLIGATIONS?**

Outstanding overdue amount on maturity with non-payment i.e. due

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Multi-Currency Trade Finance Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

**RHB BANK BERHAD**
**Registration No. 196501000373 (6171-M)**

**Multi-Currency Trade Finance (MCTF)**

Date: ______________________
[to be filled by Relationship Manager]

to non-shipment of goods, non-performance of services or export documents not submitted on maturity date or expiry of the export LC, shall be converted to overdue under direct exporter account.

Overdue interest of BLR + penalty (x%) shall be imposed on all overdue bills. The present penalty rate is 3.5% p.a. The overdue interest shall be computed from the day the bill turns overdue until settlement.

All trade facilities are to be frozen immediately upon overdue.

Direct exporter is liable to pay the Bank penalty interest, exchange losses, uninsured portion, and costs related to the recovery of proceeds.

Direct exporter is also liable to pay the Bank if the claim to EXIM Bank is not accepted by EXIM Bank.

Plus Overdue Bill Penalty fee – RM100.00.

## 7. WHAT IF I FULLY SETTLE THE LOAN DURING THE LOCK-IN PERIOD?

Not Applicable.

## 8. DO I NEED ANY INSURANCE COVERAGE?

Not Applicable.

## 9. WHAT DO I NEED TO DO IF THERE ARE CHANGES TO MY CONTACT DETAILS?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

## 10. WHERE CAN I GET ASSISTANCE AND REDRESS?

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives. You may contact your **RHB Account Relationship Manager** or send an e-mail to us trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447.

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala lumpur
Tel : 03-2616 7766
Website : https://services.akpk.org.my/

If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may e-mail us at trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

or

Ombudsman for Financial Services (OFS)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telephone: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: http://www.ofs.org.my

## 11. WHERE CAN I GET FURTHER INFORMATION?

Should you require any further information on our products, please visit nearest RHB Trade Finance Centre or log on to www.rhbgroup.com for more information.

## 12. OTHER TRADE SERVICES OR FINANCING AVAILABLE

We also provide an array of other transaction banking products, which may be able to suit your other needs. Kindly visit http://www.rhbgroup.com/ for further information.

**"IMPORTANT NOTE:**

**IF YOU DO NOT KEEP UP WITH THE REPAYMENT OF YOUR FACILITIES, LEGAL ACTION MAY ALSO BE TAKEN AGAINST YOU"**

*The information provided in this disclosure sheet is valid from 10 March 2022 and is subject to change at the Bank's discretion from time to time with prior notification*

*The information in this Product Disclosure Sheet is given on a general basis without obligation and is strictly for information only. The information contained in this document are based on certain assumptions and information available as at the date of this document, all of which are accordingly subject to change at any time with notice. This document may be translated into a language other than English. The English version of this Product Disclosure Sheet shall prevail in case of any inconsistencies with other language version.*

RHB BANK BERHAD
No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

*(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)*

## PEMBIAYAAN PERDAGANGAN PELBAGAI MATA WANG

Tarikh: ______________________
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

## 1. APAKAH PRODUK INI?

Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang (MCTF) merupakan produk yang dibangunkan dengan sokongan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank), dan yang menggalakkan konsep perkongsian risiko antara EXIM Bank sebagai penanggung insurans dan bank komersial tempatan yang menyertai MCTF serta SME Bank (bank MCTF). MCTF menyediakan pembiayaan prakiriman dan pascakiriman dalam mata wang Ringgit dan mata wang asing untuk pengeksport perusahaan kecil dan sederhana (SME) di bawah Surat Kredit (LC).

Cagaran tidak diperlukan untuk kedua-dua pembiayaan prakiriman dan pascakiriman. Risiko tidak membayar dikongsi dengan nisbah 75%:25% antara EXIM Bank dan bank MCTF untuk MCTF Prakiriman, dan 100% dilindungi oleh EXIM Bank untuk MCTF Pascakiriman melalui Polisi Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang (MCTFP) EXIM Bank yang ditandatangani dengan semua bank MCTF termasuk pihak Bank. Perkara ini akan membolehkan capaian pengeksport SME kepada pembiayaan perdagangan modal kerja tanpa menyediakan cagaran, dengan cara yang berkesan dari segi kos.

MCTF Prakiriman disediakan dengan LC atas nama pengeksport langsung yang meliputi pembiayaan bagi pengeluaran barangan yang layak dan/atau pemberian perkhidmatan untuk eksport sebelum kiriman dibuat. Ia digunakan untuk membiayai pembelian input domestik dan asing daripada pembekal tempatan / asing dan perbelanjaan overhed yang ditanggung berkaitan dengan pengeluaran barangan yang layak, atau pemberian perkhidmatan untuk eksport sebelum kiriman dibuat dari Malaysia.

MCTF Pascakiriman disediakan dengan LC atas nama pengeksport langsung yang meliputi pembiayaan bagi eksport barangan yang layak dan/atau perkhidmatan selepas kiriman dibuat. Ia digunakan untuk membiayai eksport barangan dan perkhidmatan yang layak dari Malaysia atas dasar tanpa dakwa (*without recourse*), apabila dokumen eksport diterima oleh bank pengeluar LC.

**TERMA & SYARAT RINGKAS**

Pengeksport SME yang layak:

- Menjual dengan LC.
- Menjual / Mengeksport barangan Malaysia dan memberikan perkhidmatan di luar negara.
- Memerlukan pembiayaan tanpa perlu menyediakan cagaran.

LC dan pindaan mesti:

- Diarahkan oleh pihak Bank.
- Boleh diterima oleh pihak Bank.
- Diserah simpan dengan pihak Bank.

Ciri-ciri MCTF yang Penting:

- Cagaran: Cagaran tidak diperlukan kecuali untuk Jaminan Bersama dan Berasingan dan/atau Jaminan Korporat, mengikut mana-mana yang berkenaan. Walau bagaimanapun, perlindungan insurans daripada EXIM Bank merupakan prasyarat untuk MCTF.
- Kemudahan Kredit: Diperlukan untuk kemudahan Prakiriman.
- Insurans: Premium insurans mesti dikutip daripada pelanggan dan dibayar kepada EXIM Bank.

Barangan dan Keperluan LC yang Lain:

- Barangan yang tersenarai di bawah Jadual Pertama Perintah Duti Kastam (senarai barangan yang dilarang daripada dieksport dari Malaysia) tidak boleh diterima.
- Perdagangan persaudagaran tidak dibenarkan (barangan negara ketiga).
- Surat Kredit mesti dikeluarkan oleh bank di negara yang terangkum di bawah perkhidmatan EXIM Bank atau tertakluk pada kelulusan EXIM Bank.

Pencairan/ Bayaran pada Kematangan

- Semua hasil penerimaan eksport (termasuk hasil penerimaan pembiayaan MCTF Pascakiriman) bagi LC eksport mesti disalurkan kepada pihak Bank untuk mencairkan apa-apa amaun tertunggak di bawah MCTF Prakiriman.
- Baki hasil penerimaan tersebut, jika ada, akan dikembalikan kepada pengeksport langsung.
- Anda boleh mencairkannya dengan menggunakan dana anda sendiri sebelum pembiayaan tersebut menjadi kena dibayar, tertakluk pada dokumen eksport yang disalurkan kepada pihak Bank untuk pendiskaunan.
- Bayaran terdahulu mesti disertakan dengan surat daripada pelanggan yang menyatakan alasan untuk bayaran terdahulu itu dan yang memberikan bukti dana yang diterima oleh pengeksport atau arahan pembatalan dll.

Tempoh Pembiayaan:

<u>Prakiriman</u>

- Sehingga tarikh tamat tempoh LC, tambah tempoh dalam perjalanan (*en-route*) selama 10 hari perbankan, tertakluk pada tempoh maksimum 120 hari.
- Pembiayaan hendaklah dicairkan apabila:
  - hasil penerimaan pembiayaan pascakiriman/ hasil penerimaan eksport lain diterima; atau
  - bayaran untuk LC tampak diterima; daripada bank pengeluar.
- Tempoh pembiayaan yang melebihi 120 hari akan memerlukan kelulusan khusus daripada EXIM Bank dan pihak Bank.

<u>Pascakiriman</u>

- Tempoh pembiayaan untuk setiap LC terdiskaun akan bermula dari tarikh penggunaan pembiayaan MCTF Pascakiriman sehingga tarikh matang yang diterima daripada bank pengeluar sehingga 180 hari, termasuk tempoh dalam perjalanan yang tidak melebihi 10 hari perbankan.
- Tempoh pembiayaan yang melebihi 180 hari akan memerlukan kelulusan khusus daripada EXIM Bank dan pihak Bank.

## 2. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?

Produk ini membolehkan pengeksport Malaysia untuk memperoleh capaian kepada pembiayaan perdagangan modal kerja prakiriman dan pascakiriman daripada Bank tanpa menyediakan apa-apa cagaran.

Ia juga menyokong eksport Malaysia dengan memberikan kemudahan pembiayaan rantaian ke belakang (*backward linkage*) kepada pembekal barangan dan/atau perkhidmatan.

## 3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Anda dikehendaki supaya:

- menyalurkan dokumen eksport di bawah LC kepada pihak Bank
- memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun tersebut; dan
- membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan semua caj yang ditanggung, daripada akaun anda dengan Bank, dan juga untuk penyelesaian Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang (MCTF).

**4. BILAKAH WAKTU TERAKHIR UNTUK MEMPROSES TRANSAKSI?**

Pemprosesan MCTF – pukul 2.00 petang

Pemprosesan pembayaran dalam mata wang asing adalah tertakluk pada waktu terakhir pemprosesan mata wang asing yang berkenaan.

Pemprosesan / Pembayaran melalui RENTAS – pukul 12.00 tengah hari

Pemprosesan / Pembayaran melalui IBG – pukul 2.00 petang

**5. APAKAH CAJ LAIN YANG PERLU SAYA BAYAR?**

| | |
|---|---|
| **a) Duti Setem** | |
| Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak - 1989) | |
| **b) Fi Pemprosesan** | |
| **Kadar Faedah** | <u>MCTF Prakiriman</u><br><br>Kos Dana (COF) untuk mata wang RM atau Kos Dana Efektif (ECOF) untuk mata wang asing + Tebaran (Maksimum 2% setahun).<br><br>Formula untuk mengira kos pembiayaan bagi mendebitkan akaun pelanggan pengeksport langsung MCTF adalah seperti berikut:<br><br>$FC = \frac{L \times I \times T}{(365 \text{ atau } 360^*) \times 100}$<br><br>*iaitu,*<br>*FC = Kos pembiayaan yang perlu dibayar (oleh pengeksport langsung)*<br>*L = Amaun pembiayaan*<br>*I = Kadar faedah (COF atau ECOF, tambah tebaran)*<br>*T = Tempoh (bilangan hari pembiayaan)*<br><br>** Catatan: Pengiraan berdasarkan 360 atau 365 hari hendaklah bergantung pada mata wang pembiayaan*<br><br>Untuk pembiayaan yang dibayar terus kepada pembekal, kos pembiayaan dan apa-apa caj lain masih ditanggung oleh pengeksport langsung.<br><br>Hasil penerimaan bersih akan dibayar kepada pengeksport langsung selepas potongan berikut:<br>• Faedah terdiskaun (kos pembiayaan)<br>• Premium<br>• Caj berkaitan yang lain<br><br><u>MCTF Pascakiriman</u><br><br>Kos Dana Efektif (ECOF) untuk mata wang asing + Tebaran (Maksimum 2% setahun).<br><br>Pengiraan Kos Pembiayaan adalah seperti berikut:<br><br>$FC = \frac{L \times I \times T}{(365 \text{ atau } 360^*) \times 100}$<br><br>*iaitu,*<br>*FC = Kos pembiayaan yang perlu dibayar (oleh pengeksport langsung)*<br>*L = Amaun pembiayaan*<br>*I = Kadar Faedah / Diskaun (COF atau ECOF, tambah tebaran)*<br>*T = Tempoh (bilangan hari pembiayaan)*<br><br>** Catatan: Pengiraan berdasarkan 360 atau 365 hari hendaklah bergantung pada mata wang pembiayaan*<br><br>Hasil penerimaan bersih akan dibayar kepada pengeksport langsung selepas potongan berikut:<br>• Faedah terdiskaun. (Pengiraan kos pembiayaan seperti di atas).<br>• Premium. (Untuk pembiayaan MCTF Pascakiriman tanpa pembiayaan MCTF Prakiriman terdahulu).<br>• Caj berkaitan yang lain.<br>• Pencairan apa-apa wang pendahuluan MCTF Prakiriman yang tertunggak (jika ada). |
| **MCTF Prakiriman Premium Prakiriman** | 0.18% sebulan atau sebahagian daripadanya. |
| **MCTF Pascakiriman Premium MCTF Pascakiriman** | Premium yang perlu dibayar adalah berdasarkan kadar premium EXIM Bank. Premium pascakiriman bergantung pada Kumpulan Jadual Negara bank pengeluar yang disediakan oleh EXIM Bank. |
| **Fi (Perkhidmatan) Pengendalian** | Untuk pembayaran – RM5.00<br><br>Untuk menerakan setem pada dokumen – RM5.00<br><br>Bayaran pos (tempatan & luar negeri) – RM5.00 |
| **Kos SWIFT** | (lihat jadual di bawah) |
| **Kos RENTAS** | RM3.00 |
| **Kos Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |

Kos SWIFT:

| | Pembayaran / Mesej Ringkas (RM) | Mesej Panjang (RM) |
|---|---|---|
| **Tempatan** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapura** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Lain-lain** | 30.00 | 80.00 |

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

*(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)*

**RHB BANK BERHAD**
**No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)**

**PEMBIAYAAN PERDAGANGAN PELBAGAI MATA WANG**

Tarikh: ______________________________
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

| | |
|---|---|
| **Caj Pos/ Penghantaran**<br><br>**<u>Tempatan</u>** | |
| **Surat biasa** | RM2.00 |
| **Surat berdaftar** | RM3.00 |
| **Kurier / serahan tangan** | Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00 |
| **<u>Luar Negeri</u>** | |
| **Surat biasa** | RM3.00 |
| **Surat berdaftar** | RM5.00 |
| **Kurier / serahan tangan** | Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00 |
| **Cukai Perkhidmatan (ST)** | Jika apa-apa perkhidmatan yang diberikan di bawah MCTF ini merupakan perkhidmatan bercukai yang ke atasnya ST akan dikenakan, maka pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan ST pada kadar yang ditetapkan dan penerima perkhidmatan bersetuju untuk membayar jumlah ST itu.<br><br>Anda hendaklah menanggung semua fi profesional dan cukai (termasuk cukai perkhidmatan atau cukai jualan dan/atau cukai berkenaan yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kemudahan / perkhidmatan MCTF, dan perbelanjaan sendiri yang ditanggung dan sebarang fi atau perbelanjaan lain atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan kemudahan / perkhidmatan MCTF. |

**6. BAGAIMANA JIKA SAYA GAGAL UNTUK MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?**

Amaun lampau tempoh yang tertunggak pada kematangan yang tidak dibayar iaitu, disebabkan barangan tidak dikirim, perkhidmatan tidak dilaksanakan atau dokumen eksport tidak diserahkan pada tarikh matang atau tamat tempoh LC eksport, akan ditukar menjadi lampau tempoh di bawah akaun pengeksport langsung.

Faedah lampau tempoh sebanyak BLR + penalti (x%) akan dikenakan ke atas semua bil lampau tempoh. Kadar penalti semasa ialah 3.5% setahun. Faedah lampau tempoh akan dikira dari hari bil menjadi lampau tempoh sehingga penjelasan bayaran.

Semua kemudahan perdagangan akan dibekukan dengan serta-merta apabila menjadi lampau tempoh.

Pengeksport langsung bertanggungjawab untuk membayar faedah penalti, rugi pertukaran (*exchange loss*), bahagian yang tidak diinsuranskan dan kos yang berkaitan dengan mendapatkan kembali hasil penerimaan, kepada pihak Bank.

Pengeksport langsung juga bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada pihak Bank jika tuntutan kepada EXIM Bank tidak diterima oleh EXIM Bank.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, akan terdapat fi Penalti Bil Lampau Tempoh sebanyak RM100.

**7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN SEMUA BAKI PEMBIAYAAN SEMASA EMPOH TERTUTUP?**

Tidak Berkenaan.

**8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN APA-APA PERLINDUNGAN INSURANS?**

Tidak Berkenaan.

**9. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT APA-APA PERUBAHAN KEPADA MAKLUMAT PERHUBUNGAN SAYA?**

Penting bahawa anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?**

Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda patut menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi **Pengurus Perhubungan Akaun RHB** anda atau menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk para individu **dan SME**. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766
Laman web : https://services.akpk.org.my/

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak mendapat penjelasan atau penyelesaian yang memuaskan daripada kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

atau

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:
Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman web: http://www.ofs.org.my

**11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai produk kami, sila kunjungi Pusat Pembiayaan Perdagangan RHB (*RHB Trade Finance Centre*) yang terdekat atau log masuk ke laman www.rhbgroup.com untuk mendapatkan maklumat tambahan.

**12. PERKHIDMATAN ATAU PEMBIAYAAN PERDAGANGAN LAIN YANG TERSEDIA**

Kami juga menyediakan pelbagai produk perbankan transaksi, yang mungkin dapat memenuhi keperluan anda yang lain. Sila lawati laman http://www.rhbgroup.com/ untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**CATATAN PENTING:**

**JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BALIK BAGI KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA ANDA, TINDAKAN UNDANG-UNDANG JUGA BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA.**

*Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah dari 10 Mac 2022 dan adalah tertakluk pada perubahan mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan terdahulu.*

*Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara am tanpa tanggungjawab, dan adalah semata-mata untuk maklumat anda. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah berdasarkan andaian tertentu dan maklumat yang boleh didapati seperti pada tarikh dokumen ini, dan oleh demikian, kesemuanya adalah tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa dengan notis. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam sesuatu bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Versi Bahasa Inggeris Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah mengatasi versi bahasa lain sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten.*